

Samy tidak perlu letak jawatan

B.H 16 JUL 1992

B. 16 JUL 1992

KUALA TERENGGANU, Rabu — Kerajaan tidak mempunyai peraturan yang memerlukan seorang Menteri Kabinet digantung tugas atau diminta bercuti jika beliau disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR), kata Perdana Menteri hari ini.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, akan meneruskan tugasnya sebagai Menteri Tenaga, Telekom dan Pos walaupun beliau turut dikaitkan dengan siasatan BPR berhubung isu saham Telekom yang diperuntukkan kepada Maika Holdings.

Menjawab pertanyaan pemberita, beliau menjelaskan, kes itu berbeza dengan peraturan yang memerlukan pegawai kerajaan digantung tugas atau diminta bercuti jika seseorang itu disiasat BPR berhubung sesuatu kes penyelewengan.

"Kita tidak ada peraturan semacam itu. Setakat yang kita ada ialah kalau (seseorang menteri) dalam siasatan, kita tunggu keputusannya. Kita juga tidak perlu memintanya bercuti.

"Pegawai kerajaan mungkin mengendalikan duit. Dalam keadaan itu,

(jika dia disiasat) kita boleh suruh dia berehat sekejap. Tetapi keadaan menteri berbeza. Dia tidak mengendalikan duit kerajaan. Tak tahulah kalau dia mengendalikan duit lain.

"Oleh itu kita berpegang bahawa seseorang itu tidak bersalah sehingga ia dibuktikan bersalah," katanya menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada Samy Vellu digantung daripada tugas sebagai menteri atau diminta bercuti kerana siasatan BPR terhadapnya mungkin menjejaskan kewibawaan Kabinet dan kerajaan.

Pada 9 Julai lalu, BPR mengarahkan Samy Vellu mengisytiharkan hartanya bagi membantu siasatan berhubung isu pemberian 10 juta saham Telekom Malaysia kepada Maika Holdings dan tiga syarikat lain.

Mengikut notis yang ditandatangani Timbalan Pendakwaraya BPR, Mokhtaruddin Baki itu, Samy Vellu diberi tempoh 30 hari untuk mengisytiharkan harta alih dan tidakalihnya, harta ejen atau pemegang amanahnya (jika ada), isteri,

anak-anaknya serta menyatakan tarikh harta itu diperolehi sama ada melalui pembelian, pemberian wasiat, pewarisan atau lain-lain.

Menurut Perdana Menteri, soal kewibawaan kerajaan hanya terjejas jika kerajaan tidak sanggup membenarkan BPR menyiasat Samy Vellu.

"Ini bila BPR menyiasatnya, kita tidak menghalang. Sesiapa saja dalam kerajaan yang hendak diperiksa, boleh diperiksa.

"Tetapi kita tidak boleh ambil tindakan hanya kerana BPR bertindak. Adalah satu kredit kepada kerajaan kerana sanggup membenarkan menteri diperiksa," katanya.

Dr Mahathir juga menolak kemungkinan beliau membuat rombakan Kabinet berikutan siasatan itu.

"Khabar angin mengenai rombakan Kabinet biasa saja. Tiada kes Samy Vellu pun orang kata ada rombakan Kabinet juga. Soal rombakan Kabinet, pilihanraya baru perkara biasa.

"Buat masa ini, dia boleh menjalankan tugas sebagai menteri. Masalahnya peribadi. Kalau dia buat salah sebagai menteri, kita boleh ambil tindakan," katanya.